

U B719 AAB

MAHATHIR

(I)

1985

KUALA LUMPUR, 11 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARISI KEPERLUAN HAK PERTUBUHAN PEMBEBASAN PALESTIN (PLO) DIBERIKAN UNTUK MEMAINKAN PERANANNYA DALAM APA-APA RUNDINGAN MENGENAI SOAL PALESTIN.

BELIAU JUGA BERKATA BAHAWA ADA KEPERLUAN BAGI MEMPENGARUHI PANDANGAN MASYARAKAT AMERIKA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA USAHA UNTUK MEMPERCEPATKAN PENYELESAIAN TERHADAP ISU YANG BERLARUTAN ITU.

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAINAL ABIDIN SULONG BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA MENGENAI PERBINCANGAN DUA JAM ANTARA DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN RAKAN SEJAWATAN YUGOSLAVIANYA, PUAN MILKA PLANINC DI SINI.

KATANYA, PERBINCANGAN ANTARA DUA ORANG PEMIMPIN ITU MENYENTUHI ISU PALESTIN, PERLUCUTAN SENJATA, ANTARTIKA, PERGERAKAN BERKECUALI DAN MASALAH KAMPUCHEA DI SAMPING HUBUNGAN DUA HALA.

MENGENAI ISU PALESTIN, TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA PEMIMPIN PLO, ENCIK YASSER ARAFAT TELAH PUN MENUNJUKKAN SIKAP BERTOLAK-ANSURNYA YANG SUDAH MENCUKUPI KE ARAH MENCAPAI PENYELESAIAN KEPADA MASALAH ITU.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI AMARAN BAHAWA SIKAP ENCIK ARAFAT ITU JANGAN DIPANDANG RINGAN TETAPI MESTILAH DIGUNAKAN UNTUK MEMPERCEPATKAN USAHA MENYELESAIKAN ISU PALESTIN. -- LAGI  
1517MST 11 03 85

D373

U B723 AAB

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA ENCIK ARAFAT AKAN KEHILANGAN KEWIBAWAANNYA SEBAGAI PEMIMPIN PLO JIKA USAHA UNTUK Mencari PENYELESAIAN KEPADA ISU PALESTIN ITU GAGAL KERANA SIKAP BERTOLAK-ANSURNYA ITU.

PERDANA MENTERI YUGOSLAVIA ITU BERADA PADA HARI KEDUANYA DI SINI DALAM RANGKA LAWATANNYA SELAMA EMPAT HARI UNTUK MEMBALAS KUNJUNGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR KE BELGRADE, MEI, 1983 LALU.

MENGENAI ISU ANTARKTIKA, TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA PUAN PLANINC BERKATA BAHAWA PERKARA ITU AKAN DIBERIKAN PENEKANAN YANG LEBIH BESAR DALAM PERGERAKAN BERKECUALI.

+KAMI AKAN TERUS MENYOKONGI ANDA DAN KAMI TIDAK AKAN MENYERAH TETAPI MNENGEKALKANNYA ... KITA HARUS LEBIH BANYAK BERUSAHA MENGENAI PERKARA ITU DALAM PERGERAKAN BERKECUALI,+ PUAN PLANINC DIKUTIP SEBAGAI BERKATA DEMIKIAN.

MENGENAI PERLUCUTAN SENJATA, RUNDINGAN MENGENAINYA YANG SEDANG BERLANGSUNG DI GENEVA, TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA PUAN PLANINC MENEKANKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA ANGGOTA PERGERAKAN BERKECUALI HENDAKLAH MENYUARAKAN PANDANGAN-PANDANGAN UTAMA DAN KOLEKTIF MEREKA SEBAGAI + KAMI JUGA MEMPUNYAI HAK UNTUK BERSUARA DALAM PERKARA ITU.  
+

-- LAGI  
1533MST 11 03 85  
0387

U B731 AAB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA SEPENDAPAT DENGAN PANDANGAN RAKAN SEJAWATANNYA ITU, KATA TAN SRI ZAINAL ABIDIN.

PERDANA MENTERI MELAHIRKAN PANDANGAN BAHAWA MALAYSIA GEMBIRA KERANA ADA KEMAJUAN POSITIF MENGENAI PERKARA ITU ANTARA KUASA-KUASA BESAR -- AMERIKA SYARIKAT DAN SOVIET UNION.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR MELAHIRKAN PANDANGANNYA MENGENAI PERBELANJAAN YANG BESAR DALAM PERLUMBAAN SENJATA YANG TELAH MENGALIRKAN SUMBER-SUMBER BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN EKONOMI.

BELIAU JUGA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA RAKAN SEJAWATANNYA MENGENAI KEADAAN TERBARU BERHUBUNG DENGAN ISU KAMPUCHEA, TERUTAMA PENCEROBOHAN TENTERA VIETNAM KE DALAM NEGERI THAI.

TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA VIETNAM SEDANG MENCUBA MEMBUKTIKAN BAHAWA PENYELESAIAN KEPADA MASALAH ITU BOLEH DICAPAI MELALUI PEPERANGAN KERANA IA MEMPUNYAI ANGKATAN TENTERA YANG LEBIH KUAT. -- LAGI  
1558MST 11 03 85

-----  
0394

U B736 AAB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA VIETNAM TIDAK TERAGAK-AGAK MEMASUKI NEGERI THAI SEBAGAIMANA DIGAMBARKAN DARIPADA KEJAJIDIAN-KEJIDIAN DALAM BEBERAPA HARI LALU, DAN BELIAU MENAMBAH KATA BAHAWA JELASLAH VIETNAM TIDAK MENYATAKAN KEBENARAN APABILA IA BERKATA BAHAWA TIDAK SEORANG PUN TENTERANYA BERADA DALAM WILAYAH THAI.

TAN SRI ZAINAL ABIDIN MENGUTIP PERDANA MENTERI SEBAGAI BERKATA BAHAWA ANCAMAN TERHADAP NEGERI THAI ITU ADALAH BENAR DAN BELIAU MENYIFATKANNYA SEBAGAI SATU ANCAMAN KEPADA MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ASEAN HENDAKLAH BERPEGANG TEGUH MENGENAI ISU KAMPUCHEA DAN MELAHIRKAN HARAPAN BAHAWA SOKONGAN TERHADAP KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA (CGDK) YANG DIKHTIRAF OLEH PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) ITU AKAN BERTERUSAN.

JELASLAH BAGI PERDANA MENTERI BAHAWA PENCEROBOHAN KE ATAS NEGERI THAI DAN APA YANG SEDANG BERLAKU DI KAMPUCHEA ADALAH BUKTI BAHAWA VIETNAM MASIH TETAP TIDAK MENGHORMATI PENDAPAT DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP YUGOSLAVIA AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MENGUKUHKAN SOKONGAN DUNIA KEPADA CGDK. -- LAGI  
1611MST 11 03 85

D399

U 8738 AAB

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA PUAN PLANINC MENJAWAB BAHAWA YUGOSLAVIA ADALAH RAPAT DENGAN ASEAN DAN AKAN TERUS BEKERJA BERSAMA.

BELIAU BERKATA KEDUA-DUA PERDANA MENTERI JUGA MENGAKUI PERLUNYA KERJASAMA SELATAN-SELATAN YANG RAPAT, DAN USAHA MESTI DITERUSKAN UNTUK MENGADAKAN DIALOG UTARA-SELATAN YANG SETAKAT INI TIDAK MENERIMA SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN DARIPADA NEGARA-NEGARA MAJU.

MENGENAI HUBUNGAN DUA-HALA, TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENDAPATI BAHAWA SEJAK LAWATANNYA KE BELGRADE, BANYAK AKTIVITI TELAH DIJALANKAN DAN BERHARAP DENGAN LAWATAN PUAN PLANINC KE NEGARA INI IA AKAN MENGUKUHKAN AKTIVITI ITU LAGI.

MALAYSIA BERHARAP DAPAT MENINGKATKAN KERJASAMA DALAM KONTEKS SALING BERGANTUNGAN DAN DATUK SERI DR MAHATHIR MELIHAT YUGOSLAVIA SEBAGAI SEBUAH RAKAN DAGANGAN BUKAN-TRADISI YANG MEMPUNYAI POTENSI YANG LUAS, TAMBAH TAN SRI ZAINAL ABIDIN.

KEDUA-DUA ORANG PERDANA MENTERI ITU JUGA MELIHAT KEPERLUAN UNTUK MEMPERLUASKAN IMPORT YANG BUKAN HANYA BARANGAN KOMODITI TETAPI TERMASUK BARANGAN PENGELUARAN JUGA. -- LAGI

1627MST 11 03 85

U 8739 AAB

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

TAN SRI ZAINAL ABIDIN BERKATA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, TENGGU RAZALIEGH HAMZAH JUGA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA KEDUA-DUA PERDANA MENTERI MENGENAI KEPUTUSAN YANG DICAPAI OLEH SURUHANJAYA BERSAMA MALAYSIA-YUGOSLAVIA YANG DIPENGERUSIKANNYA.

TENGGU RAZALEIGH JUGA BERKATA PERATURAN DAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA ADALAH KECIL DAN MENEKANKAN PERLUNYA IA DIPERTINGKATKAN.

KEDUA-DUA PERDANA MENTERI JUGA MENYIFATKAN PERDAGANGAN TUKARAN BARANGAN SEBAGAI SATU CARA YANG BAIK UNTUK TUJUAN ITU. -- BERNAMA  
1630MST 11 03 85